

BUDAYA POPULAR DAN KOMUNIKASI: IMPAK KUMPULAN *SLANK* TERHADAP *SLANKERS* DI INDONESIA

RIZKY HAFIZ CHANIAGO & FUZIAH KARTINI HASSAN BASRI
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Budaya popular Barat sering kali dikaitkan dengan kebudayaan yang bersifat negatif, seperti fahaman budaya tanding termasuk seks bebas, dadah dan alkohol. Gaya hidup kaum muda Barat masuk ke Indonesia melalui media massa seperti MTV, majalah dan bermacam-macam genre muzik. Muzik *rock* merupakan salah satu genre muzik yang mencetuskan gaya hidup yang menyimpang ini. Kaum muda Indonesia mulai “meniru” gaya hidup kaum muda Barat dengan mengkonsumsi *rock* sebagai sebahagian daripada budaya tanding, walaupun untuk alasan yang tidak sama. Melalui *Slank* sebagai contoh, makalah ini menghujah bahawa budaya popular tidak semestinya negatif, malah ia adalah budaya alternatif, yang punyai ciri sendiri, berbeza daripada apa yang telah mapan. *Slank* merupakan kumpulan muzik *rock* yang berhasil menepis imej negatif budaya popular menjadi positif. Para peminat kumpulan muzik *Slank* yang dikenali *Slankers* mengikuti gaya hidup menyimpang yang dilakukan *Slank* seperti mengkonsumsi dadah dan alkohol. Seiring bergulirnya waktu, *Slank* akhirnya meninggalkan gaya hidup *rock 'n' roll* itu dan perubahan ini turut diikuti oleh *Slankers*. Kini, *Slank* mencetuskan budaya baru iaitu PLUR (*Peace, Love, Unity dan Respect*). Pemanfaatan pengaruh ini tentunya menjadi faktor yang mempunyai peranan baik terhadap gaya hidup kaum muda Indonesia terutama *Slankers*.

Kata kunci: *budaya popular; budaya tanding; gaya hidup; muzik rock; Slankers*

POPULAR CULTURE AND COMMUNICATION: THE IMPACT OF THE ROCK GROUP, *SLANK* ON *SLANKERS* IN INDONESIA

Abstract

Western popular culture is often deemed as negative with counter cultural behaviors that include free sex, drug and alcohol consumption. Lifestyle of the young West enters Indonesia through the mass media. i.e. MTV, magazines and various musical genres. Rock music is one of these genres that spurred such counter culture. Indonesian youth began “imitating” the lifestyle of Western youth by consuming rock music as part of counter culture although not for similar reasons. Using the example of Slank, this article posits that popular culture is not necessarily negative, instead it is an alternative culture that has its own voice and character different from those that are already stable. Slank is an Indonesian rock group that has successfully converted popular culture into something more positive. Fans of Slank are known as Slankers and they had followed Slank’s initial lifestyle of drug and alcohol intake. As time goes by, Slank eventually got rid of their rock ‘n’ roll lifestyle and this change was followed suit by Slankers. To date, Slank has propagated a new subculture termed as PLUR (Peace, Love, Unity dan Respect) and this in turn has positive influence on young Indonesians, especially Slankers.

Keywords: *popular culture; counter culture; lifestyle; rock music; Slankers*

Pengenalan

Banyaknya pandangan kritis dan teoritis mengenai budaya populer menjadikan bidang kajian ini berkembang dengan pesat hingga kini. Sejak kelahiran budaya populer pada tahun 1960-an di Amerika Syarikat yang mendorong *flower generation* tumbuh dan berkembang, budaya ini tidak pernah luput dari stigma negatif. Fenomena ini disebabkan oleh munculnya *hippie* yang merupakan gerakan budaya saingan yang mengadopsi gaya hidup komunal dan nomaden, serta dipengaruhi oleh *hallucinogenic drugs* (Rusbiantoro 2008).

Aktiviti politik di Amerika Syarikat yang tidak menentu pada tahun 60-an seperti rasisme, materialisme, kemiskinan, perjuangan hak sivil dan gerakan anti-perang Vietnam membuat kaum *hippies* dan *SDS* (Student for a Democratic Society) mengkritik ketidakmampuan kerajaan Amerika Syarikat mengatasi penyakit sosial tersebut. Kaum *hippies* melakukan gerakan budaya saingan

dengan melakukan seks bebas dan menggunakan dadah serta alkohol. Mereka mempercayai hidup adalah lebih baik dan damai dengan bahan-bahan tersebut. Lahirnya album “*Sgt Peppers Lonely Hearts Club Band*” dari kumpulan muzik *The Beatles* melengkapi budaya *hippies* ketika itu. Dalam album ini, *The Beatles* berhasil menangkap suara dan intisari sezaman, seakan menjadi hasil daripada budaya 60-an yang dipengaruhi oleh dadah, seks bebas dan aktiviti politik untuk memprotes perang Vietnam.

Kuatnya kapitalisme barat membuat gaya hidup *hippies* dan budaya belia tersebut dieksploitasi untuk meraih keuntungan. Simbol-simbol yang pada mulanya bertujuan menentang budaya dominan dan budaya konsumerisme ini berubah menjadi *fashionable* dan melambangkan hegemoni yang sekaligus mencetus budaya popular. Budaya popular tidak dapat lepas daripada proses Amerikanisasi. Oleh sebab itu, proses Amerikanisasi yang panjang sejak tahun 1960-an hingga saat ini membuat monopoli budaya tidak dapat dihindari lagi.

Budaya Populer

Perubahan budaya seiring dengan perkembangan zaman membuat definisi budaya popular menjadi semakin kompleks. Adorno dan Horkheimer (1979 dlm Barker, 2005), menjelaskan bahawa budaya kini sepenuhnya saling berpautan dengan ekonomi politik dan produksi budaya oleh syarikat-syarikat kapitalis. Menurut Burton (2008), budaya popular didominasi oleh produksi dan konsumsi barang-barang material dan bukan oleh seni-seni sejati, manakala penciptaannya didorong oleh motif laba (Burton 2008). Hal ini dipertegaskan oleh Ibrahim (2006), yang menyatakan bahawa budaya popular yang disokong industri budaya (*cultural industry*) telah mengkonstruksi masyarakat yang tidak sekadar berlandaskan konsumsi, tetapi juga menjadikan semua artifak budaya sebagai produk industri, dan sudah tentunya, komoditi.

Banyak juga pandangan lain mengenai budaya popular. Lull (2000), melihat budaya popular sebagai artifak dan gaya ekspresi manusia yang berkembang daripada kreativiti orang kebanyakan dan beredar dalam kalangan orang ramai menurut minat, kecenderungan dan selera mereka. Sehaluan dengan itu, Lull (2000) menegaskan bahawa budaya popular lahir daripada masyarakat dan tidak dikonstruksikan oleh pihak luar. Ini disokong oleh Fiske (1995 dlm Ibrahim 2007): *popular culture is made by the people, not produced by the cultural industry... popular culture is made by the people at the interface between the products of the culture industries and everyday life... popular culture is made by the people, not imposed upon them; it stems from within, from below and not from above.* Maka jelaslah bahawa Fiske melihat budaya popular hanya dapat berkembang daripada dalam, ia tidak boleh dipaksakan dari luar atau dari atas.

Kekuatan industri budaya lebih mendominasi dalam mempengaruhi budaya popular selain daripada pengaruh dalam. Kepelbagaian produk industri budaya adalah suatu ilusi untuk “sesuatu yang disediakan bagi semua orang sehingga tidak seorangpun boleh lari daripadanya” (Adorno & Horkheimer 1979 dlm

Barker 2005).

Kritik terhadap budaya popular

Kleden (1987), menjelaskan bahawa dalam kehidupan sehari-hari, perkataan “pop” lebih diertikan sebagai sesuatu yang tidak begitu serius, oleh sebab itu jika seseorang berbicara tentang budaya popular maka dia seakan-akan menunjuk kepada hasil dan tingkah laku budaya yang dianggap tidak termasuk budaya yang mapan. Maka itu, budaya popular diciptakan tidak seiring dengan norma-norma rasmi dari budaya tinggi. Budaya tinggi sering dianggap lebih berharga daripada budaya popular yang tergolong budaya rendah kerana budaya tinggi lebih mementingkan sensitiviti individu dan tanda status sosial sedangkan budaya rendah bersifat massa dan populis (Burton 2008). Kerana kedudukannya yang sampingan, masyarakat memandang budaya popular tidak sebagai varian yang sah dalam perkembangan budaya malahan lebih sebagai penyimpangan daripada pola-pola budaya yang normal (Kleden 1987).

Dalam pandangan seni dan penilaian tentang kualiti estetika, budaya popular lebih menekankan kemampuan komunikasi produk dan aktiviti daripada penghargaan kritis daripada khalayak ramai. Budaya popular lebih cenderung ke arah estetika-resepsi daripada estetika-kreasi (Kleden 1987). Keindahan dalam budaya popular tidak lain daripada kemampuan untuk memenuhi secara memadai permintaan massa terhadap kepuasan budaya. Bagi Burton (2008), budaya popular merupakan ungkapan kekuatan dominasi dan kekuatan autonomi masyarakat. Dapat disimpulkan bahawa dominasi masyarakat ditambah dengan kekuatan kapitalis memberi pengaruh kepada penghayatan hidup dalam kalangan remaja yang semakin dangkal sekaligus mencetus hegemoni budaya dan kehilangan identiti.

Walaupun begitu, budaya popular tidak selamanya tidak menyihatkan dan menentang. Budaya popular bukanlah bentuk budaya yang kurang bagus. Ia hanya merupakan jenis lain yang hendak membezakan dirinya daripada jenis yang telah mapan. Bagi Storey (2007), penting kiranya membezakan antara kekuatan industri budaya dan kekuatan pengaruhnya. Menurut Fiske (1989 dlm Barker, 2005), budaya popular memberi fokus kepada taktik popular untuk kekuatan-kekuatan ini ditangani, dihindari dan dipertahankan (Barker 2005). Fiske (1989), memandang “kesegaran dan kreativiti popular” mengarah pada “kemungkinan perubahan sosial dan motivasi untuk mendorong terjadinya perubahan sosial” (dlm. Barker 2005).

Pengaruh budaya popular terhadap remaja Indonesia

Pada era globalisasi ini berbagai budaya dengan bebas masuk ke suatu bangsa dan dapat mengubah jati diri kaum muda yang sedang mencari pengukuhan dalam kehidupan mereka. Impak budaya popular dalam kalangan remaja Indonesia tidak luput daripada peranan media massa yang berhasil mengkonstruksi jati diri mereka. MTV adalah salah satu mesin raksasa penghancur identiti dan pabrik yang memproduksi hegemoni, imitasi, atau replika daripada para ikon pop. Menurut

pandangan Rusbiantoro (2008), tayangan 24 jam MTV berhasil menentukan ikon apa yang patut remaja budayakan, pakaian dan gaya rambut apa yang harus ditiru, gaya hidup yang harus direproduksi agar remaja selalu mengikuti trend dan tidak ketinggalan zaman.

Kekuatan pengaruh Barat melalui komunikasi massa telah menciptakan budaya populer yang menampilkan citra diri hedonistik sebagai sebahagian daripada kehidupan remaja yang umumnya dimiliki remaja konsumtif dan glamor. Berger menyebut gejala demikian sebagai munculnya “urbanisasi kesedaran” (Rakhmat 1997). Menurut McQuail (1972), kemajuan pesat teknologi komunikasi dan informasi yang pada gilirannya telah menciptakan wajah baru industrialisasi dan terus menyerap ke alam bawah sadar masyarakat sebagai “industri kesedaran” sehingga mengendalikan publik massa baru. Industri kesedaran ini telah merebak ke pelbagai *genre* kaum muda di Indonesia dengan pedoman gaya hidup enak dan bersenang-senang. Sukses dan prestasi dianggap sebagai keseronokan sementara, dan kesukaran ekonomi tidak langsung diperkirakan.

Tanpa disedari kaum muda Indonesia saat ini telah menjadi produk massa dengan mengangkat remaja sebagai potensi yang sangat besar sehingga makna hidup telah berubah pada apa yang kita konsumsi dan bukan pada apa yang kita hasilkan. Marcuse (1968 dlm Storey, 2007), melihat bahawa ideologi konsumerisme mendorong keperluan palsu dan bahawa keperluan ini bertindak sebagai satu bentuk kawalan sosial. Budaya populer yang disalurkan oleh media Barat berupa muzik, fesyen, filem mahupun gaya hidup merefleksikan bahawa kemewahan merupakan simbol daripada “halusinasi estetika” akan realiti.

Muzik *Rock* dan kaum muda Indonesia

Muzik *rock* adalah sebati dengan budaya populer dunia sejak budaya ini kali pertama lahir. Budaya populer sering dikaitkan dengan muzik *rock psychedelic* disebabkan aliran muzik tersebut dipopularkan oleh kaum *hippies*. Pada masa Orde Baru dan setelah turunnya Presiden Soekarno, pelbagai produk budaya yang berasal daripada negara-negara kapitalis maju memasuki Indonesia. Di antaranya ialah bentuk piringan hitam bernuansa *rock 'n' roll* dan majalah-majalah hiburan (Sasongko & Katjasungkana 1991). Produk-produk Eropah dan Amerika Syarikat sering kali mempopularkan gaya hidup kaum *hippies* sehingga kaum muda Indonesia mula “meniru” gaya hidup kaum muda Barat.

Muzik, majalah, konsert, festival, komik, dan filem dapat membantu memperlihatkan pengalaman akan identiti dalam kalangan kaum muda (Storey 2007). Bagi Parsons (1942, 1963 dlm Barker, 2005), anak muda atau remaja adalah kategori sosial yang muncul bersamaan dengan perubahan tanggung jawab keluarga yang tumbuh daripada perkembangan kapitalisme. Sebagai konstruk budaya, makna anak muda terpulung menurut ruang waktu berdasarkan siapa disebut oleh siapa. Apabila menghubungkan antara muzik *rock* dan kaum muda, maka budaya yang terbentuk tidak dapat dipisahkan daripada pengaruh kapitalisme industri hiburan. Muzik *rock* merupakan pasar yang sangat besar,

namun setelah *rock* menjadi komoditi, muzik ini telah menerobos batasan-batasan norma yang ada. Lebih lanjut, Ismail (2004) mempermasalahkan tingkah laku remaja yang berkecimpung dengan muzik *rock* bawah tanah yang dianggap kurang positif; perilaku ini disebabkan oleh pengaruh muzik *rock* yang mempunyai unsur perlawanan, pemberontakan dan pembebasan.

Muzik *rock* memegang peranan penting bagi kaum muda yang merupakan kaum yang rapuh. Kerana keinginan pengesahan yang sangat tinggi dan solidariti kelompok yang kuat, ditambah dengan muzik *rock* itu sendiri, kaum muda mudah terjerumus dalam hal-hal bersifat negatif dengan cara menggunakan dadah dan alkohol. Akan tetapi, fungsi dadah dan alkohol yang digunakan hanya menciptakan “ketidakbermaknaaan” kerana dadah, alkohol dan *LSD* (lysergic acid diethylamide) bersifat halusinatif.

Fenomena *Slank* dan *Slankers* di Indonesia

Slank merupakan kumpulan muzik *rock* yang berhasil menepis imej negatif budaya popular menjadi positif. Di Indonesia, *Slank* adalah kumpulan muzik yang berkarisma kuat dan merupakan satu kumpulan muzik fenomena. Pada era 80-an dunia industri muzik Indonesia sangat dipengaruhi oleh genre muzik *hardrock*. *Slank* lahir dengan warna muzik baru dan sentuhan irama *rock 'n' roll* pada tahun 1983 yang terasa masih asing saat itu. Semangat pemberontakan yang menjadi fahaman *rock* tertumpah menerusi muzik dan gaya mereka menjadi panutan remaja. Warna muzik yang asing ditambah dengan lirik yang lugas, jujur, liar dan kadang terdengar kotor, menjadikan muzik mereka terasa sangat segar.

Ciri khas kumpulan muzik *Slank* didominasi oleh penampilan yang serabai dan comot. Fenomena pola hidup ini telah menjadi sebahagian daripada penciptaan gaya hidup *slengean*. Gaya hidup ini telah dipergunakan oleh penggemar *Slank* iaitu *Slankers* sebagai simbol daripada identiti mereka dan sebagai cara hidup atau ‘*a way of life*’. Kumpulan muzik *Slank* sering dikaitkan sebagai pecandu dadah (drug users). Anggota *Slank* memang mengakui bahawa mereka pernah menggunakan dadah, bahkan menjadi penagih, terutama Bimbim dan Kaka. *Slank* ketagihan dadah sejak awal 90-an hingga tahun 1999. Mulai tahun 1999, anggota-anggota *Slank* yang merupakan penagih dadah mulai melakukan usaha-usaha rehabilitasi dengan dukungan Bunda Iffet sehingga akhirnya berhasil sembuh. Sejak tahun 1999 hingga kini *Slank* mulai melancarkan perang terhadap dadah.

Dengan berhentinya *Slank* menggunakan dadah ternyata memberikan inspirasi bagi *Slankers* untuk meninggalkan belenggu dunia hitam ini. *Slank* telah menjadi kelompok muzik di Indonesia yang sangat berkesan bagi penggemar fanatiknya. Selain disukai kerana muzik dan gayanya, *Slank* juga banyak digemari kerana lirik-liriknya tidak hanya bertemakan cinta. Banyak lirik lagu mereka juga bertema sosial, politik atau lingkungan. Kelebihan *Slank* dengan kumpulan muzik yang lain terletak pada lirik dan tema lagunya sehingga menjadi fenomena baru dalam perkembangan muzik *rock* dengan menyampaikan realiti masyarakat dan keadaan sekitar.

Lagu-lagu *Slank* yang bertemakan cinta lebih memfokuskan pada sifat jujur pada diri kita sendiri dan kebijaksanaan dalam menentukan sikap. Sebagai contoh, hal tersebut tersirat dalam lagu “Mawar Merah” daripada album “Kampungang.” Lagu ini menjelaskan bahawa cinta tidak mengenal batasan suku, adat, puak, agama mahupun status, yang terpenting rasa sayang, rasa memiliki dan perhatian. Seperti dalam liriknya:

*Memang ku tak mampu belikan dia perhiasan.....
Tak pernah aku memberi kemewahan
Tapi kuyakin dia bahagia
Tanpa itu semua.....*

*Walau memang dirimu bernasib baik..... Bapak lo kaya
Yang selalu kau andalkan untuk mendapatkannya
Percuma kau dekati dia
Karena cintanya pasti untukku*

*Aya ya ya..... Simpan saja uangmu
Aya ya ya..... Bawa pergi mercymu*

Sikap politik sangat terdengar manis pada lagu “Orkes Sakit Hati” daripada album “999+09” yang dituju kepada pihak kerajaan Indonesia supaya bersikap serius dalam mentadbir rakyatnya yang sedang dilanda krisis ekonomi dan tidak hanya mengucapkan janji kosong. Seperti dalam liriknya:

*Jangan kau kecewakan aku lagi
Aku gak mau menderita lagi
Kalau ingkari janji*

*Aku gak mau dibawa emosi
Jangan biarkan aku sakit hati
Karena ingkari janji*

*Cinta dan kepercayaan yang ku berikan
Jangan sampai kamu sia-siakan
Dengan ingkari janji*

(sumber: Solihun 2009).

Selepas *Slank* terjerat daripada naungan dadah, *Slank* banyak memberikan kesan positif terhadap budaya anak muda dengan menciptakan pedoman PLUR, yakni *Peace* (damai), *love* (cinta), *unity* (kebersamaan), dan *respect* (menghargai). PLUR diyakini bahkan menjadi semacam fahaman dan ideologi bagi *Slankers*. PLUR

merupakan konsep untuk menciptakan kedamaian dengan cinta, kebersamaan, dan saling menghargai. Dengan konsep ini pula *Slankers* berupaya menepiskan hasil negatif yang terlanjur melekat pada diri mereka (Revolta 2008).

Sikap yang dilakukan *Slank* untuk mengubah bentuk hidup sosial rakyat Indonesia kepada masa depan yang lebih baik kadang kala melahirkan kontroversi. Lemahnya undang-undang di Indonesia menyebabkan aktiviti rasuah tidak dapat dibendung lagi. Kes rasuah kerap terjadi di Dewan Perwakilan Rakyat Indonesia (DPR-RI). Dalam usaha pembanterasannya korupsi, *Slank* menciptakan lirik lagu yang bertajuk "Gossip Jalanan". Seperti dalam liriknya:

*Pernah kah lo denger mafia judi
Katanya banyak uang suap polisi
Tentara jadi pengawal pribadi*

*Mau tau gak mafia di Senayan
Kerjanya tukang buat peraturan
Bikin UUD... ujung-ujungnya duit*

*Pernahkah gak denger teriakan Allahu Akbar
Pake peci tapi kelakuan barbar
Ngerusakin bar orang ditampar-tampar*

Dalam lagu kritik sosial ini *Slank* melantunkan lirik-lirik yang sangat ekstrim sehingga para wakil rakyat merasa direndahkan sebagai anggota dewan (Revolta 2008). *Slank* bekerja sama dengan Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) untuk membanteras rasuah melalui media muzik. Dengan demikian KPK mengangkat *Slank* menjadi duta anti-korupsi di Indonesia. *Slankers* juga telah sama-sama memberi sokongan kepada kumpulan muzik pujaan mereka. Meskipun demikian *Slankers* pada dasarnya tidak pernah tertarik dengan hal yang berbau politik. Mereka berusaha berdiri dan memperjuangkan semua golongan berdasarkan falsafah *Slankisme* yang mereka anuti.

Kesimpulan

Stigma negatif yang tercantum daripada budaya popular akibat pengaruh daripada Amerikanisasi yang panjang tidak dapat dihindari lagi, akan tetapi budaya popular boleh ditepis dengan menciptakan budaya saingan yang memberikan makna positif bagi kehidupan manusia, khususnya perkembangan kaum muda. Budaya popular terbentuk melalui produksi makna popular yang terbentuk pada saat konsumsi (Barker 2005). Sebagaimana dikatakan Hall (1977, 1981, 1996c dlm Barker, 2005), budaya popular adalah arena konsensus dan resistensi dalam memperjuangkan makna budaya. Maka dapat disimpulkan bahawa budaya popular merupakan tempat di mana hegemoni budaya diterima atau ditentang.

Mengulas persoalan mengenai makna dan hegemoni, Stuart Hall mengembangkan

teori artikulasi untuk menjelaskan proses pertarungan ideologi (penggunaan istilah ‘artikulasi’ oleh Hall membawa makna ganda: mengekspresikan dan melibatkan), dan berpendapat bahawa teks dan amalan budaya tidak hadir bersama makna, tidak dijamin secara pasti oleh tujuan-tujuan produksi; makna senantiasa merupakan akibat daripada tindakan ‘artikulasi’ (Storey 2007).

Merujuk kepada pendapat Hall, maka dapat diambil kesimpulan bahawa makna akan terbentuk setelah artikulasi (ekspresi dan penglibatan) lahir. Apabila artikulasinya baik, maka makna yang tercipta juga akan baik; sebaliknya apabila artikulasinya buruk maka makna yang tercipta juga akan buruk. Dalam hal ini, fahaman PLUR (peace, love, unity and respect) yang dibawa oleh kumpulan muzik *Slank* dapat memberikan perubahan yang baik dalam kehidupan masyarakat, khususnya *Slankers* dan juga kaum muda di Indonesia. Nilai-nilai yang diterapkan oleh kumpulan muzik *Slank* memberikan pengertian mengenai makna budaya kedamaian, cinta, kesatuan dan saling menghargai. Jika sebelum artikulasi PLURnya, *Slank* mencipta makna negatif melalui konsumsi dadah dan alkohol, maka kini dengan terartikulasinya PLUR, ia membawa makna yang positif dalam kehidupan anak muda Indonesia.

About the authors

Rizky Hafiz Chaniago is currently undergoing a graduate program in Masters of Philosophy at the School of Media and Communication Studies, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia. **Fuziah Kartini Hassan Basri** is an Associate Professor and Head of Media Communication Programme at the same school. Her area of research is on popular culture, film and gender studies. She can be contacted at email: fuziah@ukm.my.

Rujukan

- Sasongko, T.A., & Katjasungkana, N.(1991). *Pasang Surut Musik Rock di Indonesia*. No. 10. Prisma XX. Jakarta.
- Barker, C. (2005). *Cultural Studies: Teori dan Praktik*. Kreasi Wacana. Yogyakarta.
- Rusbiantoro, D. (2008). *Generasi MTV*. Jelasutra. Yogyakarta.
- McQuail, D.(1972). *Sociology of Mass Communications: Selected Readings*. Penguin Books. Harmondworth.
- Burton, G. (2008). *Media dan Budaya Populer*. Jelasutra. Yogyakarta.
- Ibrahim, S.I. (2007). *Budaya Populer Sebagai Komunikasi (Dinamika Popscape dan Mediascape di Indonesia Kontemporer)*. Jelasutra. Yogyakarta.
- Ibrahim, S.I. (2006). *Lifestyle Ecstasy: Kebudayaan Pop Dalam Masyarakat Komoditas Indonesia*. Jelasutra. Yogyakarta.
- Kleden, I. (1987). *Kebudayaan pop: Kritik dan Pengakuan*. No. 5. Prisma XVI. Jakarta.
- Lull, J. (2000). *Media, Communication, Culture: A Global Approach. 2nd edition*. Columbia University Press. New York.

- Rakhmat, J. (1997). *Hegemoni Budaya*. Yayasan Bentang Budaya. Yogyakarta.
- Storey, J.(2007). *Cultural Studies dan Kajian Budaya Pop: Pengantar Komprehensif Teori dan Metode*. Jalasutra. Yogyakarta.
- Storey, J. (2006). *Cultural Theory and Popular Culture: A Reader*. Pearson Prentice Hall. England.
- Revolta, R. (2008). *Slank dan Mafia Senayan*. Bio Pustaka. Yogyakarta.
- Ismail, R. (2004). *Akademika Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Bilangan 64*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Solihun, S. (2009). *Generasi Biru*. Gagas Media. Jakarta.